



MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

---

Jil. 41  
No. 3

30hb Januari 1997

TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN (B)

---

P.U. (B) 20.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang berikut yang dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 adalah disiarkan menurut subseksyen itu:

*Akta 505.*

1. Buku bertajuk "Risalah Tariqat Naqsyabandiah Jalan Ma'rifat"  
- Siri 1 hingga 6

Bahawa buku yang bertajuk "Risalah Tariqat Naqsyabandiah Jalan Ma'rifat" dari Siri 1 hingga 6 yang disusun oleh Haji Yahya bin Laksamana adalah mengandungi ajaran yang bertentangan dengan 'aqidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan umat Islam, oleh itu adalah diharamkan dan orang Islam adalah dilarang daripada memiliki, menyimpan, mencetak dan menjual buku tersebut dalam apa-apa bentuk bahan terbitan.

2. Pelantikan syarikat sebagai amil

Adalah sah dari segi Hukum Syarak sesuatu syarikat yang diamanahkan oleh Majlis untuk memungut zakat dilantik sebagai amil dan kakitangan yang mengendalikan urusan pungutan zakat dalam syarikat tersebut hendaklah ditauliahkan sebagai amil.

Bertarikh 15 Januari 1997.  
[JAWI/A/145; PN. (PU<sup>2</sup>) 530/II.]

TAN SRI DATO' ABDUL KADER BIN TALIP,  
*Mufti,*  
*Wilayah-Wilayah Persekutuan*



فَلَاتَ مُقْتَدٍ وَمُقْتَدٌ فِرْسَةٌ  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN